

# **LAPORAN KAJIAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN APLIKASI MALAYSIA'S GEOSPATIAL HUB (MYGEOHUB)**

## **1. TUJUAN LAPORAN**

1.1. Laporan ini bertujuan untuk mengemukakan hasil Kajian Keperluan Pembangunan Aplikasi Malaysia's Geospatial Hub (MyGeoHub) yang telah dilaksanakan secara atas talian melalui *platform Google Form*.

## **2. LATAR BELAKANG PROJEK MYGEOHUB**


2.1. Seiring dengan perkembangan teknologi geospasial, akses kepada maklumat geospasial seharusnya menjadi lebih mudah di mana orang awam boleh mencapai pelbagai maklumat geospasial melalui hanya satu gerbang sahaja. Bagi tujuan tersebut, PGN berhasrat mewujudkan satu gerbang capaian maklumat geospasial yang holistik dan bersepadu di mana semua data terbuka geospasial dan inisiatif geospasial dari pelbagai sumber dikumpul di dalam satu platform yang dikenali sebagai MyGeoHub (*Malaysia's Geospatial Hub*). MyGeoHub akan memudahkan orang awam untuk mencapai, memuat turun, menganalisis dan menggabungkan set data terbuka geospasial untuk kepentingan agensi. Inisiatif geospasial dari pelbagai sumber juga lebih mudah dicapai melalui MyGeoHub. Kesimpulannya MyGeoHub merupakan satu pusat setempat

atau gerbang kepada capaian data geospasial terbuka dan inisiatif geospasial yang bersepadu.

- 2.2. Sehubungan itu, Kajian Keperluan Pembangunan Aplikasi MyGeoHub ini bertujuan untuk mendapatkan idea, cadangan dan pandangan dari orang awam, agensi kerajaan, pelajar institusi pengajian tinggi serta pakar-pakar Sistem Maklumat Geografi (GIS) termasuk pakar akademik dan syarikat GIS. Objektif kajian ini adalah untuk mendapat gambaran awal mengenai keperluan pembangunan Aplikasi MyGeoHub.

### 3. HASIL KAJIAN


- 3.1. Kajian ini telah menerima sebanyak 185 maklum balas dari pelbagai peringkat merangkumi pelajar Universiti Awam/IPTS, Pensyarah, Agensi Kerajaan, Agensi Swasta, Badan Berkanun dan Orang Awam seperti Rajah 3.1 berikut:



Rajah 3.1


Sebanyak 53% daripada responden adalah di kalangan Agensi Kerajaan, diikuti 12.4% Agensi Swasta, 15.1% Badan Berkanun dan 8.6% adalah Pelajar Universiti Awam.

- 3.2. Responden terdiri dari pelbagai peringkat umur dengan majoriti daripadanya adalah terdiri daripada kumpulan umur 35 hingga 44 tahun.




Rajah 3.2

- 3.3. Bahagian seterusnya di dalam kajian ini ialah ciri-ciri kepenggunaan Aplikasi MyGeoHub. Soalan pertama pada bahagian ini adalah untuk melihat sejauh mana kefahaman responden mengenai “Malaysia’s Geospatial Hub” (Rajah 3.3). Sebanyak 58.9% daripada responden bersetuju bahawa ianya merujuk kepada Platform Perkongsian Maklumat Geospatial Negara manakala 53% daripada responden bersetuju bahawa ianya merujuk kepada Pusat Setempat Bagi Maklumat Geospatial Negara.



Rajah 3.3


- 3.4. Soalan seterusnya adalah untuk mendapatkan pandangan responden mengenai ciri-ciri atau elemen penting yang perlu ada di dalam Aplikasi MyGeoHub (Rajah 3.4). Sebanyak 90.8% daripada responden memilih elemen “Senarai Data Geospasial Terbuka” sebagai elemen yang paling penting. Seterusnya, 87% responden memilih “Paparan Maklumat Geospasial Dalam Bentuk Peta” manakala elemen lain seperti “Modul Perkongsian Maklumat Geospasial Terbuka”, “Modul Pengesahan Maklumat Oleh Pentadbir Aplikasi”, Modul Pengesahan Maklumat Oleh Pemilik Aplikasi”, Modul Pendaftaran Pengguna” dan “Paparan Dashboard Pengguna Berdaftar” masing-masing mendapat peratusan kurang dari 60%.



Rajah 3.4


3.5. Soalan seterusnya adalah untuk mendapatkan pandangan responden mengenai kategori maklumat geospasial terbuka yang perlu diberi fokus (Rajah 3.5). Berdasarkan maklum balas responden, terdapat enam (6) kategori yang mendapat peratusan tertinggi dan melebihi 70% iaitu:

1. Kesihatan (77.8%)
2. Sumber Asli (76.8%)
3. Pendidikan (75.7%)
4. Pengangkutan (75.7%)
5. Pertanian (75.7%)
6. Pelancongan (70.8%)




Rajah 3.5

3.6. Soalan seterusnya adalah mengenai kesediaan responden atau agensi untuk berkongsi data geospasial terbuka. Dari 185 responden, 84.3% bersedia untuk berkongsi data agensi mereka ke dalam Aplikasi MyGeoHub (Rajah 3.6).



Rajah 3.6

3.7. Bahagian seterusnya di dalam kajian ini ialah elemen perkongsian data Aplikasi MyGeoHub. Bahagian ini hanyalah bagi responden yang menjawab “Ya” bagi soalan sebelum ini berkenaan kesediaan responden atau agensi untuk berkongsi data geospasial terbuka. Soalan pertama di dalam bahagian ini adalah mengenai jenis maklumat geospasial terbuka yang ingin dikongsi oleh responden/agensi (Rajah 3.7). Sebanyak 25 (80.1%) daripada 156 responden memilih untuk berkongsi feature layer/map layer.




Rajah 3.7

3.8. Soalan terakhir di dalam bahagian ini adalah untuk mendapatkan pandangan responden mengenai kategori maklumat geospasial terbuka yang ingin dikongsi oleh responden/agensi (Rajah 3.8). Berdasarkan maklum balas responden, terdapat empat (4) kategori yang mendapat peratusan tertinggi dan melebihi 60% iaitu:

1. Sumber Asli (67.3%)
2. Pengangkutan (64.7%)
3. Kesihatan (62.2%)
4. Pendidikan (60.3%)





Rajah 3.8

#### 4. PENUTUP

4.1. Kesimpulannya, kajian ini mendapat maklum balas yang baik daripada responden yang disasarkan. Hasil kajian ini akan dijadikan panduan dan rujukan dalam pembangunan Aplikasi MyGeoHub pada masa yang akan datang. Walaubagaimanapun, jumlah responden boleh ditingkatkan lagi bagi mendapatkan maklum balas yang lebih menyeluruh merangkumi responden dari pelbagai Kementerian/ Jabatan/Agensi, akademia, sektor swasta dan orang awam.

Kajian lanjut juga akan diadakan melalui Bengkel Kajian Keperluan yang akan diadakan secara bersemuka bersama wakil Agensi Kerajaan dan pakar GIS dari kumpulan akademia untuk mendapatkan spesifikasi keperluan aplikasi dengan lebih terperinci.